



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

56 WAKIL PELAJAR POLYCC MENERIMA WATIKAH PELANTIKAN AHLI PERWAKILAN PELAJAR PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI SESI 2023/2024

Ulu Tiram, 16 Mac 2023 - Seramai 36 Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kebangsaan (MPPPK) dan 20 Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej Komuniti telah menerima watikah pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kebangsaan (MPPPK) dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej Komuniti Kebangsaan (JPPKKK) bagi Sesi 2023/2024 sempena Majlis Penutup *Polytechnic and Community College's Student Leaders Management Training 2023 (POLYCC-SMART'23)* yang berlangsung di *Savanna Hill Resort*, Ulu Tiram, Johor. Penyampaian Watikah Pelantikan telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail.

Ketika ucap tama beliau pada majlis tersebut, berkata setiap wakil pelajar bertanggungjawab sebagai ejen POLYCC dengan menyebarkan luas maklumat kepada pelajar dan seluruh warga POLYCC seperti mana yang telah ditekankan dalam salah satu Prinsip 3K POLYCC iaitu 'Kebajikan'.

"Anda adalah pengantara dan penghubung utama di antara pelajar POLYCC dengan pengurusan tertinggi dalam menyuarakan dan menyelesaikan apa-apa isu yang berkaitan kebajikan pelajar", katanya.

Dalam pada itu beliau juga yakin dalam kalangan pemimpin pelajar POLYCC, ada yang berpotensi untuk menjadi pemimpin yang hebat sekiranya diberi peluang dan digilap dengan cara yang betul dan menjadi aset kepada negara yang tidak ternilai harganya. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Kanan (Kompetensi), Ts. Zainab binti Othman, Pengarah-pengarah Bahagian JPPKK serta Pengarah-pengarah POLYCC.

Bagi sesi 2023/2024 kali ini, Muhammad Syahmi Aqil bin Mohd Syahrem yang merupakan YDP Politeknik Ungku Omar (PUO) telah dilantik sebagai Presiden MPPPK manakala Amierah Ad-Darayaani binti Abdul Rahman merupakan YDP Kolej Komuniti Shah Alam pula dilantik sebagai Presiden JPPKKK.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**